

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]**

**TARIKH : 12 OGOS 2020 ( RABU )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mengiktiraf pelajar-pelajar lepasan TVET kerana mereka menghadapi masalah mendapatkan jawatan di dalam GLC atau sektor awam.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya mengiktiraf graduan TVET bahkan akan memperkasakan program TVET sebagai aliran pendidikan pilihan utama pelajar. Program-program TVET yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti telah mendapat akreditasi daripada badan akreditasi seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); dan badan akreditasi dan profesional yang lain seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan Teknologi (ETAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia, *Malaysian Board of Technologist* (MBOT), Lembaga Juruukur Tanah (LJT), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), *International Maritime Organisation* (IMO), *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) dan sebagainya. Agensi-agensi ini telah menetapkan standard piawaian akreditasi bagi program dan institusi TVET yang perlu dicapai dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan berada pada tahap yang tinggi.

Sebagai usaha untuk memastikan kualiti graduan TVET berada di tahap yang tinggi serta diterima oleh industri, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dalam memperkasakan TVET terutamanya dari sudut pembangunan kurikulum supaya dapat memenuhi kehendak industri. Antara kerjasama yang dilaksanakan, adalah melalui penubuhan Majlis Penashiat Industri yang berperanan memberi pandangan dan berkongsi maklumat berkenaan fokus semasa industri di peringkat nasional dan global. Pandangan dan perkongsian tersebut membantu Kementerian merancang pelan tindakan bagi memastikan kurikulum TVET yang digunakan adalah terkini dan selaras dengan keperluan semasa industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, trend kebolehpasaran bagi graduan Politeknik dan Kolej Komuniti menunjukkan pencapaian melebihi 95 peratus bagi tempoh 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2017. Ini menunjukkan graduan TVET mempunyai daya saing yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa memastikan kualiti pelajar lepasan TVET menjangkaui tahap standard yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.